

# Berit@UTeM

www.utem.edu.my  
Edisi November - Disember 2014

**Penyelidik  
UTeM  
menyinar di  
Seoul SIIF  
2014**

**Pilihanraya  
MPP UTeM 2015  
berjalan  
lancar**



**Idris Haron**  
**MENTERI**  
**Mentor UTeM**



**IDRIS**



# Anugerah Akademik UNIVERSITI 2013

12 Disember 2014 . 8:00 Malam  
Ballroom, Ramada Plaza Melaka

## UTeM Iktiraf SUMBANGAN AHLI AKADEMIK

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan majlis Anugerah Akademik UTeM baru-baru ini bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlang ahli akademik di universiti tersebut sepanjang tahun 2013 yang lalu.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, penganjuran majlis ini merupakan tanda penghargaan kepada ahli akademik UTeM yang telah menjana kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan serta inovasi sekaligus mengharumkan nama universiti ini di perseada global. Menurut beliau lagi, UTeM sentiasa komited untuk terus menghargai sumbangan ahli akademiknya yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam aspek pengajaran, penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan yang merupakan pemangkin ke arah menjadikan UTeM sebagai sebuah institusi pengajian teknikal yang cemerlang dan terbilang. bagi Anugerah Pengajaran dan Prof. Medya Dr. Ahmad Rozelan Yunus dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousehwaran (FPTT) meraih Anugerah Penerbitan Buku.



### SIKANG EDITORIAL Berita@UTeM

#### Ketua Editor

Fazidah Ithnin

#### Wartawan

Zulfatria Abdullah

#### Reka Letak Grafik

Shahril Hazizi Abu Bakar

#### Jurufoto

Md. Nor Mohamad Saleh | Aeri Abu | Nurulldayu Talib | Mohd Farid

#### Pengedaran

Mohamad Haffizie Ramli



Dr. Massila Kamalrudin dari FTMK pula meraih Anugerah Penyelidikan dan Dr. Azma Putra dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) meraih Anugerah Penerbitan Jurnal.

telah diraih oleh Ir. Mohd Farriz Md Basar dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Pro Canselor UTeM Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat. Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah Universiti Datuk Abdul Raman Saad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Datuk Prof. Mohd Nor Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor serta staf akademik universiti.



Manakala bagi Anugerah Khas yang bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada ahli-ahli akademik yang telah memberi impak besar kepada universiti telah dianugerahkan kepada Kumpulan Perodua Eco-Challenge UTeM (PecUTeM) yang diketuai oleh pensyarah FKM Dr. Ahmad Kamal Mat Yamin. Harapan ianya



MFS | NURUL



Zulfatria Abdullah



16 Nov - Pusat Keusahawanan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Team Usahawan UTeM dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka telah menganjurkan Ekspo Melaka-UTeM Young Entrepreneurial Inventors 2014 (EYEI 2014) pada Ahad lepas bertempat di MYDIN Mall, MITC, Melaka.

Ekspo yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai pihak ini telah dirasmikan oleh Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md Yunus Husin.

Dengan tema "Menjana Usahawan Mahasiswa Berinovasi" ekspo ini bertujuan menghimpunkan kumpulan-kumpulan pereka-cipta muda di kalangan pelajar dan ahli akademik dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negeri Melaka untuk memPERTANDINGKAN produk dan hasil inovasi mereka.

Md Yunus di dalam ucapan perasmilannya memuji UTeM yang telah memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan minat pelajar dalam bidang keusahawanan selepas tamat pengajian.

Bellau berkata, modul keusahawanan yang digunakan oleh UTeM boleh dijadikan rujukan kepada kerajaan negeri bagi melahirkan lebih ramai usahawan muda dan berjaya di negara ini sekaligus membantu memacu transformasi ekonomi ke arah lebih baik.

Beberapa aktiviti telah diadakan sepanjang ekspo ini termasuk pertandingan poster inovasi dan perancangan perniagaan, pameran dan jualan produk oleh mahasiswa dan usahawan seluruh negeri Melaka.

Turut hadir, Pengarah Pusat Keusahawanan UTeM Prof. Dr. Salleh Yahya serta pegawai-pegawai dan pelajar UTeM.



# MUCET 2014 ERAT KERJASAMA DENGAN MTUN



Nurul



Zulfatria Abdullah

**10 Nov** - Persidangan Universiti Teknikal mengenai Kejuruteraan dan Teknologi (MUCET) 2014 dilihat sebagai platform terbaik dalam mengeratkan hubungan antara Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) ke arah melahirkan golongan penyelidik kelas dunia.

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib berkata, matlamat persidangan ini adalah bagi mempertingkatkan serta memperkasakan kualiti penyelidikan dan pembangunan (R&D) Universiti berteraskan teknikal di negara ini.

Menurutnya, UTeM selaku penganjur kepada persidangan kali ke lapan itu, telah mendapat kerjasama dari MTUN yang terdiri daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Universiti berteraskan kepada teknikal bukan lagi asing dan disandang sebagai universiti kelas kedua kerana pada masa ini pasaran kerja mahukan golongan pekerja mahir dan berkemahiran tinggi, jadi universiti di bawah MTUN inilah yang mempunyai keupayaan melahirkannya.

"terdapat empat universiti di bawah MTUN yang berkeseluruhan pelajarannya seramai kira-kira 40,000 orang dan jumlah profesor yang mengajar di universiti ini saya jangkakan lebih dari universiti penyelidikan lain di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pembukaan pada Majlis Perasmian MUCET 2014 yang disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di Banda Hilir, disini hari ini.

Shahrin berkata, tema persidangan 'Memperkasakan Budaya Inovasi dalam memacu Masa Depan Berteknologi' itu dijangka dapat menyemarakkan budaya penyelidikan inovasi MTUN dalam menerajui teknologi akan datang seterusnya meningkatkan taraf penyelidikan MTUN di peringkat nasional dan antarabangsa.

Katanya, MUCET 2014 merangkumi persidangan dan pembentangan kertas kerja yang melibatkan tujuh bidang berfokus termasuk kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan awam, kejuruteraan kimia, pengurusan teknologi dan sains sosial serta komunikasi dan teknologi maklumat (ICT).

Persidangan yang berlangsung selama dua hari itu melibatkan perbentangan 138 kertas kerja dan akan menampilkan dua tokoh ternama industri dan korporat iaitu Pengarah Konsortium TransNasional Sdn. Bhd., Tan Sri Mohd. Nadzmi Mohd. Salleh dan Ketua pegawai Eksekutif Silterra Malaysia Sdn. Bhd., Dr. Kamarulzaman Mohamed Zin.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan pilihanraya bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) sesi 2014/2015 pada 4 Disember 2014 (Khamis). Proses membuang undi telah berlangsung di semua fakulti-fakulti, Pusat Persatuan Pelajar, Pusat Bahasa & Pembangunan Insan, Kompleks Makmal FKM dan Pusat

Pengajian Siswazah. Proses membuang undi telah berjalan dengan lancar dengan penggunaan kaedah e-voting. Sebanyak 8 kerusi umum dan 21 kerusi fakulti dipertandingkan pada pemilihan sesi 2014/2015 ini.

Seramai 10,059 pelajar UTeM layak untuk mengundi pada kali ini. Manakala pelajar yang keluar mengundi adalah seramai 5681 orang menjadikan peratusan pelajar keluar mengundi adalah 56.48%. Pengumuman keputusan pilihanraya ini telah dilakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, YBhg. Prof. Madya Dr. Izaldin bin Abdul Majid pada jam 5.30 petang di Pusat Persatuan Pelajar, UTeM



# PROSES PILIHANRAYA UTeM BERJALAN LANCAR





**23 Nov** – Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Melaka telah berlangsung dengan meriahnya pada 17 Nov hingga 21 Nov 2014 yang lalu bertempat di Kampus Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Durian Tunggal.

Program anjuran Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar UTeM dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Melaka itu bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat khususnya penduduk negeri Melaka.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memelihara alam sekitar sebagaimana yang digariskan oleh kerajaan dalam Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) melalui pelaksanaan inisiatif seperti Pembangunan Indeks Prestasi Alam Sekitar Malaysia (EPI), menggunakan Tabung Kemudahan Alam Sekitar Global (GEF) untuk kemudahan Alam Sekitar Global, melindungi lapisan ozon, pembangunan kesedaran alam sekitar dan indeks komitmen dan meningkatkan kesedaran alam sekitar dan perubahan iklim.

DASN juga bertujuan mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang, dan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar.

Pelbagai program telah berlangsung bersempena minggu tersebut seperti pertandingan fotografi, kuiz atas talian, debat, program kayuhan basikal, program pengumpulan minyak masak terpakai dan peraduan mewarna. Sambutan yang diterima amatlah memberangsangkan.

Majlis perasmian MASM peringkat negeri Melaka ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib.



# MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA PERINGKAT NEGERI MELAKA

# Majlis PELANCARAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN Peringkat UTeM 2014

26 Nov  
- Bersempena Sambutan  
Bulan Bahasa Kebangsaan 2014,  
satu majlis Pelancaran Bulan Bahasa  
Kebangsaan Peringkat UTeM telah  
diadakan bertempat di Dewan Seminar  
FTMK Kampus Induk.

Majlis pelancaran tersebut telah  
diempukakan oleh Naib Canselor  
UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib  
serta turut dihadiri oleh pengurusan  
kampus universiti, staf dan pelajar.

Majlis tersebut turut menampilkan  
syarahan khas bertajuk "Fenomena  
Bahasa Rojak dalam Pemerkasaan  
Bahasa Melayu" oleh Y. Bhg. Prof.  
Emeritus Dr. Abdullah Hassan -  
Karyawan Tamu, Jabatan Pengajian  
Universiti Malaya, persembahan  
khas oleh kumpulan Tribhuvana dan  
delaikamal pulak oleh pelajar dan staf  
UTeM.

Naib Canselor di dalam ucapan  
perasmian telah menekankan agar  
supaya Bahasa Melayu dimartabatkan

Melayu  
Tinggi merentasi  
pelbagai bidang dalam IPT. Ia  
penting agar penggunaan Bahasa  
Melayu Tinggi tidak hanya di monopol  
oleh mereka yang berada dalam bidang  
Bahasa Melayu dan Keusasteraan  
Melayu sahaja, tetapi meliputi bidang-  
bidang lain termasuk teknikal dan  
teknologi.

Jelas beliau lagi, masa depan dan  
survival Bahasa Melayu sebagai  
bahasa ilmu bergantung kepada sikap  
bangga dan komitmen kita untuk  
memperjuangkannya. Penggunaan  
Bahasa Melayu dalam konteks  
pengajian tinggi adalah penting selaras  
dengan hasrat kita untuk menjadi dan  
mengkalkannya sebagai bahasa ilmu  
tinggi yang setanding dengan bahasa-  
bahasa antarabangsa yang lain.

Sepanjang sambutan Bulan Bahasa  
Kebangsaan Peringkat UTeM 2014,  
pelbagai program telah diaturkan  
antaranya adalah pertandingan poster,  
pameran buku, gerai jualan buku-buku  
terbitan UTeM, pertandingan puisi di  
kalangan pelajar UTeM yang mana ia  
turut disertai oleh pelajar antarabangsa,  
penganjurannya forum bertajuk "Kita

forum bertajuk "Kita  
Cinta, Bahasa Kita" yang diempukakan  
oleh panel jemputan iaitu Dato' Prof. Teow Kok  
Seong dari Institut Kajian Etnik UKM, Mohamad  
Musip dari Pejabat Pendidikan Daerah Melaka  
Tengah, dengan moderator Dr. Norlihan binti  
Kudua.





# UTeM TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI UNIVERSITI DARI JIANGSU, CHINA

12 Nov - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima kunjungan delegasi beberapa buah universiti dari wilayah Jiangsu China di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal pada Rabu lepas.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pelajar Wilayah Jiangsu Ma Xiachang dan pengurusan kanan beberapa buah universiti termasuk dari Jiangsu University, Nantong University, Yancheng Institute of Technology, Nanjing University dan Jiangnan University. Menurut Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, Fazidah Ithnin, kunjungan delegasi tersebut ke UTeM merupakan sebahagian program yang telah diatur sepanjang delegasi tersebut berada di negeri bersejarah ini serta bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai program akademik yang ditawarkan oleh universiti tersebut.

Bellau berkata, kunjungan ini juga dapat mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama strategik antara UTeM dengan delegasi universiti tersebut di samping dapat berkongsi pengalaman dan pandangan mengenai kerjasama boleh dimeterai pada masa akan datang.



Sumber disediakan




Zulfatria Abdullah

Sementara itu, menurut Ma Xiachang, berdasarkan tinjauan dan pemerhatian sepanjang kunjungan ini mengukuhkan UTeM merupakan sebuah universiti teknikal yang berkembang maju dalam pelbagai sudut sama ada pembangunan fasiliti, penghasilan graduan profesional serta kecemerlangan penyelidikan dan inovasi.

Delegasi tersebut turut melakukan pertemuan dengan Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib bagi membincangkan dan mengenal pasti peluang untuk merangka bentuk jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Temyata perkembangan terbaru ini memperlihatkan reaksi positif terhadap kualiti pendidikan berteknologi teknikal yang dipelopori oleh UTeM sebagai universiti teknikal pertama negara.



## ROBOT UTeM TARIK PERHATIAN PELAJAR SEK. KEB. BELIMBING DALAM

8 Nov - Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengadakan pameran dan demonstrasi robot bersama dengan Kemival Ko-Kurikulum Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka baru-baru ini.

Menurut Ketua Program Nurul Kausar Ab Majid berkata, seramai 13 orang tenaga pengajar dari Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik FTK telah turut serta untuk menjayakan program yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid sekolah berkenaan terhadap bidang robotik sekaligus menanam minat untuk berjaya dalam bidang pendidikan.

Bellau berkata, sambutan yang diberikan amatlah menggalakkan dan kebanyakan murid berasa teruja apabila diberikan peluang untuk mengendalikan sendiri robot-robot berkenaan.

Sementara itu, menurut Guru Penolong Kanan (Ko-kurikulum) SK Belimbing Dalam, Junedah Abu Adam berkata, pihak sekolah amat berterima kasih kepada UTeM dan FTK khususnya kerana memberikan sokongan dan kerjasama yang jitu dalam menjayakan kemival tersebut.

"Usaha ini mampu memberi pendedahan kepada ilmu sains dan teknologi serta inovasi bukan sahaja di kalangan pelajar, malah di kalangan masyarakat sekeliling agar tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi. Selain itu, usaha ini dilihat sebagai satu platform untuk mengeratkan silaturahim antara pihak sekolah, ibu bapa dan agensi kerajaan" ujar bellau lagi.





# SIIF 2014

Seoul International Invention Fair

Period : Nov, 28(Fri) ~ Dec, 01(Mon)

Venue : Hall A, Coex, Seoul, Korea

## UTeM Raih emas Di SEoul inTernatIonal invenTIon Fair 2014



Penyelidik UTeM terus membuktikan keunggulan apabila mempamerkan prestasi cemerlang di Seoul International Invention Fair (SIIF 2014) pada 28 November hingga 1 Disember yang lalu.

Pameran Inovasi terbesar di rantau Asia ini telah dianjurkan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA) dan menghimpunkan lebih 500 penyertaan dari 30 buah negara yang disertai oleh para penyelidik, institusi pengajian tinggi, institusi penyelidikan, industri serta organisasi pemindahan teknologi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor berkata, UTeM telah menghantar penyertaan enam produk penyelidikan untuk dipertandingkan serta dipamerkan sepanjang pameran tersebut berlangsung.

Beliau berkata, penyelidik UTeM telah berjaya memperolehi 3 pingat emas melalui produk ciptaan Prof Madya Dr. Badrul Hisham Ahmad iaitu Miniaturized Microstrip Fractal Antenna for WiFi & WiMAX Applications yang turut menerima Anugerah Khas, Dr. Mohd Asyadi Azam bin Mohd Abd dengan produk Carbon Based

Hybrid Supercapacitor dan MOBIFALL hasil ciptaan Engr. Vigneswara Rao Gannapathy.

Manakala 2 pingat perak disumbangkan oleh produk iRTU ciptaan Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Ab Ghani dan Prof. Madya Mohd Ariff bin Mat Hanafiah serta produk Real Time Power Quality Monitoring System ciptaan Nur Zawani Saharuddin dan Hazriq Izzuan Jaafar.

Selain itu, penyelidik UTeM turut memperolehi pingat gangsa menerusi produk penyelidikan Malacca-Eco-Style-Tiles ciptaan Dr. Raja Izamshah Raja Abdullah.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penyelidik yang telah membuktikan kecemerlangan dan kemampuan dalam mencetuskan daya inovasi yang tinggi menerusi produk penyelidikan bermutu tinggi. Semoga kemenangan ini akan menjadi perangsang kepada seluruh warga UTeM dalam menghasilkan produk penyelidikan bermutu tinggi" ujarnya lagi.



Zulfatria Abdullah



Sumber Disediakan

## KEJOHANAN BOWLING KOLEJ KEDIAMAN EMERALD PARK CUNGKIL BAKAT PELAJAR



14 Nov - Kolej Kediaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Kejohanan Bowling Kolej Kediaman Emerald Park bertempat di Melaka International Bowling Centre (MIBC) pada Rabu yang lepas.

Kejohanan itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 19 pasukan merangkumi kategori staf dan pelajar. Bagi kategori staf, penyertaan adalah sebanyak 4 pasukan iaitu Kolej Kediaman Al-Jazari, Kolej kediaman Lestari, Kolej Kediaman Bunga Raya dan Kolej Kediaman Emerald Park. Manakala bagi kategori pelajar pula, penyertaan adalah sebanyak 15 pasukan menjadikan kejohanan ini sangat menarik dan mencabar. Dalam kejohanan ini, pasukan staf Kolej Kediaman Emerald telah berjaya mempertahankan gelaran juara sebanyak tiga kali berturut-turut mengalahkan tiga pasukan yang lain dengan jumlah jatuhan pin sebanyak 1413. Manakala kategori pelajar pula, juara telah dirangkul oleh pasukan pelajar yang diwakil oleh Muhammad Saifudin, Muhammad Haidhir Firdaus, Muhammad Firdaus dan Siti Nabiha dengan jumlah jatuhan pin sebanyak 1893.

Menurut Pengetua Kolej Kediaman UTeM Emerald, Wan Mohd Bukhari berkata, pihaknya yakin melalui penganjuran program seperti ini dapat membantu mengeratkan hubungan silaturrahim antara pengurusan dan pelajar serta mencungkil bakat pelajar terutamanya dalam sukan bowling.

## UTeM KROONS RAIH PENGALAMAN BERHARGA DALAM NICC 2014



Pasukan Ragbi UTeM Kroons telah mencipta sejarah apabila buat pertama kali bertanding dalam kejohanan Liga Ragbi Antara Kelab Kebangsaan Kesatuan Ragbi Malaysia (NICC 2014) yang berlangsung pada 15 November yang lalu.

Kejohanan tersebut merupakan anjuran Kesatuan Ragbi Malaysia (KRM) dan menampilkan 18 kelab-kelab ragbi terbaik di seluruh Malaysia.

Menurut Pengurus UTeM Kroons Razali Yaakob berkata, pasukan UTeM berjaya mendapat tempat ketiga dalam Kejohanan Liga Ragbi Melaka yang telah berlangsung pada Oktober lepas sekaligus layak menyertai kejohanan NICC.

Bellau berkata walaupun menduduki tempat ke 14 daripada keseluruhan pasukan yang bertanding pencapaian itu merupakan satu kebanggaan kepada universiti kerana berjaya menyertai kejohanan liga bertaraf kebangsaan.

"Pencapaian ini diraih hasil daripada usaha dan komitmen yang berterusan pasukan untuk menjadi terbaik seterusnya mengharumkan nama UTeM dalam sukan ragbi dan akan menjadi pembakar semangat untuk memberikan cabaran yang hebat pada tahun hadapan" ujar bellau.

Dalam perlawanan pertama pasukan UTeM Kroons tewas 14-41 kepada pasukan Beringin Rendang dari Johor sebelum mengakhiri perlawanan apabila tewas tipis 10-17 kepada pasukan MVPRC dari Johor.





## Perjalanan ke Annapurna Base Camp; ANTARA IMPIAN DAN KEAZAMAN

lanya bermula dengan impian yang hampir dinohtah apabila niat untuk berada di puncak pergunungan Nepal dikontarkan kepada rakan-rakan. Pelebagai momokan didengar, bermula dengan suhu dingin melampau di puncak, kesukaran trak yang bakal dilalui dan termasuk kisah-kisah kegagalan pendaki terdahulu. Namun lanya bukanlah kayu pengukur kepada 22 pendaki dari Malaysia yang membuktikan bahawa tida yang dapat mengatasi keazaman!

Tanggal 17 Oktober 2014 menjadi saksi kepada lanya 10 warganegara Malaysia di bumi Kathmandu Nepal dan diikuti 12 lagi pada keesokan harinya. Jujumya, hanya dua dari 22 pendaki ini yang pernah tiba di Annapurna Base Camp (ABC), yang lainnya merupakan pendaki kali pertama yang belum dapat membayangkan persona lalan ke ABC secara nyata.

Latihan intensif selama 3 bulan mereka di Malaysia bakal diterjemahkan kepada aktiviti pendakian bagi menguji kemampuan 10 peserta wanita dan 12 peserta lelaki yang menyertai ekspedisi ini.

Sebaik keld djejakkan di luar Lapangan Antarabangsa Kathmandu, suhu dingin Negara ini telah mula menggigit pada kulit setiap pesertanya. Telah ada yang mula rasa cemas dan kluatr membayangkan tahap kedilnginan yang bakal menyambut di ABC kelak. Berdasarkan semakan di laman sesawang, suhu di ABC dijangka sekitar -8 hingga -10. Sesuatu yang belum pernah dialami di tanah kelahiran mereka.

Namun suhu sejuk bukanlah perkara pokok yang dikluatr, apa yang lebih mencemaskan adalah berita bertarikh 15 Oktober 2014 berkenaan runtuhan salji yang mengorbankan puluhan nyawa dan ratusan yang lain masih hilang di kawasan Annapurna Circuit. Pun begitu, keresahan mereka sedikit rade apabila dimaklumkan rakan pengendali di Nepal latu



Oleh : Khairul Nizam Minhat

Third Eye Adventure Pti Ltd bahawa lanya hanya melabikan lalan di Annapurna Circuit manakala lalan ABC masih baik dan selamat untuk dilaku. Dari Kathmandu, peserta yang dikendalikan oleh Malaysian Backpackers ini diterbangkan 142.88 KM ke sebuah bandar yang menjadi tumpuan pendaki dunia latu Pokhara. Tarikh 18 Oktober 2014 merupakan tarikh bermulanya misi pendakian ke ABC yang bermula dari sebuah kampung kecil bernama Nayapul.

Sejak dari aesi lalihan lagi peserta telah dingatkan bahawa di sepanjang pendakian, tangga merupakan sesuatu yang lumrah untuk ditempuh dan lanya merupakan realiti yang dapat dilihat dari awal pendakian lagi. Perjalanan dari Nayapul ke Pothana mengambil masa 5 jam sebelum keesokan peserta bermalam di Pothana Guest House. Pendakian naik selama 8 hari ini menyaksikan peserta melalui beberapa lereng gunung yang menemukan mereka dengan penduduk kampung yang tinggal di kawasan pergunungan Nepal. Antara aktiviti lumrah penduduk di kawasan pergunungan ini adalah bercucuk tanam seperti menanam padi, sayuran serta memelihara binatang ternakan seperti keldai, kerbau, lembu, kambing dan ayam.

Bergerak dalam satu kumpulan besar, ekspedisi pada kali ini turut di bantu 8 porter beserta 3 penunjuk jalan yang disediakan rakan pengendali dari Nepal. Pergerakan lazimnya bermula seawal jam 8.30 pagi dan berakhir selepas jam 6.00 petang di kem-kem rehat yang ditetapkan. Pendakian perlu ditamatkan sebelum matahari tenggelam kerana suhu di pergunungan ini akan berubah dengan mendadak apabila malam tiba. Jika peserta tiba lewat, mereka mungkin akan terperangkap dalam suasana mendaki waktu malam yang menguji ketahanan mental dan suhu sejuk yang boleh membawa kepada hypothermia mahupun sindrom Altitude Mountain Sickness (AMS) yang sangat ingn dielakkan oleh para pendaki.

seawal jam 8.30 pagi dan berakhir selepas jam 6.00 petang di kem-kem rehat yang ditetapkan. Pendakian perlu ditamatkan sebelum matahari tenggelam kerana suhu di pergunungan ini akan berubah dengan mendadak apabila malam tiba. Jika peserta tiba lewat, mereka mungkin akan terperangkap dalam suasana mendaki waktu malam yang menguji ketahanan mental dan suhu sejuk yang boleh membawa kepada hypothermia mahupun sindrom Altitude Mountain Sickness (AMS) yang sangat ingn dielakkan oleh para pendaki.

Apa yang menjadikan misi pendakian kali ini lebih bermakna adalah misi menyampelkan bantuan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh Rapid KL yang merupakan anak syarikat kepada Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Dua buah sekolah telah menerima bantuan berupa alat tulis, beg beserta peralatan persekolahan yang lain. Dua buah sekolah tersebut adalah Shree Rling Sun Academy School dan Shree Himalaya Secondary School.

Bantuan dan sokongan turut dihulurkan beberapa entiti lain antaranya SIRIM Berhad, TALISMAN Energy, Malaysia Airport Berhad, Syarikat Air Melaka Berhad, UTeM, Asia e University dan Politeknik Kota Kinabalu.

Dua aspek yang turut diberi perhatian khusus di sepanjang pendakian adalah pelaksanaan ibadah dan pemakanan peserta. Solat jamak dilaksanakan samada di dalam perjalanan dan apabila tiba di kawasan rehat meneka makanan yang dijamah adalah nasi dan ayam serta telur ayam yang dimasak. Selain dari apa yang disediakan oleh pihak rumah rehat, peserta turut membawa produk makanan dari Malaysia bagi mengubati rindu terhadap makanan Malaysia di sepanjang pendakian.

Setelah lima hari mengharung perjalanan naik dan turun kawasan lereng gunung, tarikh 26 Oktober 2014 merupakan hari yang dinantikan oleh kesemua 22 peserta ekspedisi ini. Dari hujung Himalaya, peserta mula mendaki selama 5 jam sebelum tiba di Machhapuchere Base Camp (MBC) untuk makan tengahari dan seterusnya meneruskan pendakian ke puncak ABC.

Perjalanan dari MBC ke ABC menawarkan pemandangan yang sangat indah bagi mereka yang mengemari selji. Himpunan selji di kiri dan kanan jalan merawat kepenatan di sepanjang pendakian. Detik yang ada dimanfaatkan dengan foto-foto kenangan bersama suasana berselji yang tidak dapat dirasai di tanah air sendiri. Peserta pertama tiba di ABC pada jam 3.30 petang diikuti beberapa peserta lain sehingga yang terakhir tiba pada jam 5.30 petang. Perasaan teruja, gembira dan terharu menyelubungi para peserta ekspedisi sehingga ada yang menitikkan air mata kegembiraan kerana berjaya menamatkan misi.

Bagi ketua Ekspedisi, Nor Afende Aminudin, 36 malam ekspedisi ini adalah bagi mendedahkan pendak Malaysia kepada trek-trek pendakian di pergunungan luar selain untuk menambahkan keyakinan pendak terhadap kemampuan sendiri dan semangat setia-kawan ketika pendakian.

**“Dua aspek yang turut diberi perhatian khusus di sepanjang pendakian adalah pelaksanaan ibadah dan pemakanan peserta.”**

“Saya secara keseluruhannya berpuas hati dengan prestasi dan kerjasama yang ditunjukkan oleh para peserta ekspedisi di sepanjang program ini. Walaupun ini merupakan kali pertama mereka menjejakkan kaki ke pergunungan di Nepal mereka mampu mengharungi cabaran yang mendatangi dengan tenang. Apa yang utama adalah koordinasi dan latihan. Syabas dan Tahniat” ujar Afende.

Bagi juru koordinat Ekspedisi, Zulfahmi Roelan, 29, usia dan jantina bukanlah penentu kepada kemampuan individu, walaupun wujudnya hanyalah faktor minoriti. Apa yang lebih utama adalah kehendak dan azam peserta yang tinggi.

“Ini merupakan kali kedua saya tiba di ABC dan saya melihat faktor yang sama telah membawa kami ke sini iaitu keinginan dan azam yang merealisekan impian. Tanpa keberanian, mimpi tak bermakna.” menurut Zulfahmi.

Kesemua peserta turun pada 26 Oktober 2014 dan tiba dengan selamat di Pokhara pada kesokan harinya sebelum bertolak pulang ke Kathmandu dengan menaiki bus selama 8 jam. Rombongan telah turut mengadakan lawatan hormat ke pejabat Kedutaan Malaysia di Nepal sebelum bertolak pulang ke Malaysia pada 28 Oktober 2014.

Peserta ekspedisi ini bukan sahaja berjaya mengibarkan jalur gemilang di ABC malah telah turut mengatasi rasa gemuruh mereka terhadap laluan gunung berselji yang mungkin bakal membawa mereka ke pergunungan lain lagi selepas ini.

Untuk rekod, Annapurna dalam bahasa Sanskrit bermaksud ‘syurga makanan’ atau ‘ibu yang memberi makan’ dan kekayaan flora dan fauna di Annapurna mungkin adalah temuan kepada kekayaan yang dimaksudkan pada namanya.



# Bersama Menteri Mentor UTeM



Jelajah Patriotisme Dalam  
Kalangan Generasi Muda  
Negeri Melaka  
27 Jun 2014





**Majlis Pelancaran Majlis  
Profesor UTeM dan Sesi Dialog  
bersama Ketua Menteri Melaka  
30 Okt 2014**



**Majlis Amanat Menteri  
Mentor dan Perasmian Kursus  
Persediaan MPP UTeM  
14 Nov 2014**





Pengarah Pusat Islam  
Dr. Radzuan bin Nordin

## TAZKIRAH PUSAT ISLAM

Kesimpulannya :

1. Allah menurunkan hujan lebat yg dapat menyuburkan tanah-tanah mereka, sehingga menghasilkan tanaman & buah-buahan yang mendatangkan kebaikan kepada mereka.
2. Allah akan mengizinkan kepada mereka harta kekayaan yang banyak & beraneka rupa & ragam.
3. Allah mengizinkan zuriat yang akan melanjutkan keturunan mereka sehingga mereka tidak pupus.
4. Allah mengalirkan sungai yang berperanan mengairi kebun-kebun mereka, sehingga tanam-tanaman hidup subur & mengijau

Walaupun wasiat ini berkaitan dengan perutusan Nabi Nuh tetapi sesuai dengan perutusan al-Quran yang manfaatnya bersifat kekal.

Ingin dikongsi juga mengenai kisah 'Penguli Roti dengan Istighfar'.

Imam Ahmad bin Hanbal dalam perjalanannya menuntut ilmu, akhirnya beliau terpaksa bermalam di sebuah masjid. Malang sekali apabila penjaga masjid menghalang beliau daripada bermalam di situ.

"Tni bukan tempat untuk tidur" katanya.

Bukan salah penjaga masjid itu yang tidak mengenali Imam Ahmad. Beliau pula tidak memperkenankan diri. Jika penjaga itu mengenali beliau, pasti dia tidak menghalang Imam Ahmad menumpang tidur. Walaupun beliau memujuk penjaga masjid tersebut untuk dibenarkan tidur hanya beberapa jam, namun tidak berhasil.

Kemudian, Imam Ahmad mengambil keputusan berbering sahaja berdekatan pintu masjid. Namun, di situ pun si penjaga masjid menghalangnya.

Pada masa itu, seorang pembuat roti menyaksikan peristiwa tersebut. Dia merasa simpati kepada beliau, lantas, dia mengajak Imam Ahmad yang tidak dikenali itu untuk bermalam sahaja di kedaihnya. Lelaki ini adalah pengusaha sebuah kedai roti. Setelah menunjukkan Imam Ahmad tempat tidurnya, si pembuat roti meneruskan kerjanya.

Imam Ahmad tidak terus tidur, tetapi dia memerhatikan sesuatu yang menarik pada peristiwa lelaki itu. Setiap gerakan tangannya menguli roti, diringi istighfar yang tidak henti-henti. Imam Ahmad kagum dengan amalan pembuat roti tersebut. Beliau ingin sangat mengetahui rahalnya.

"Sejak bila engkau beristighfar seperti ini? tanya Imam Ahmad.  
"Alhamdulillah tuan, sejak lama dahulu."

"Adakah engkau mendapat keuntungan dengan sentiasa beristighfar?" Pantas dia menjawab, "Yai Setiap hejat & permohonan saya sering dimakbulkan Allah.

Cuma ada satu sahaja hejat yang belum dimakbulkan, wahai tuan."

"Apakah itu?"

"Saya berdoa agar dapat melihat Imam Ahmad bin Hanbal tetapi belum dipertemukan dengannya lagi."

Terkejut Imam Ahmad mendengar jawapannya itu. Lalu Imam Ahmad berkata, "Wahai saudara. Akulah Imam Ahmad bin Hanbal. Allah telah membawa aku untuk bertemu denganmu."

# Kelebihan ISTIGHFAR

Di pagi Jumaat yang mulia jangan lupa untuk perbanyakkan selawat ke atas Rasulullah s.a.w. dan berdoa sebanyak-sebanyaknya kerana ada waktu yang mustajab.

Ingin dikongsi juga, mengenai kelebihan istighfar. Beristighfar merupakan salah satu terapi untuk mendapat ketenangan kerana istighfar adalah memohon keampunan daripada Allah SWT. Istighfar boleh disebut pada bila-bila masa walaupun sedang melaksanakan tugas harian. Bila hati resah, sebutlahastaghfirullahal 'azim disertai dengan penyelesaian dan taubat .

Sebagai manusia, kita tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan dan kealapan. Kerana itu jugalah Allah telah menyediakan cara untuk mohon keampunan darinya sebegaimana firman Allah SWT :

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا قَاهَةً لَوْ ظَنَرُوا أَنَّهُمْ فَتَنُوا أَلَّهُ فَلَمْ يُؤْتُوا  
بِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَخْفَى الذُّنُوبَ إِلَى اللَّهِ وَكَمْ يُصِرُّوْا عَلَى مَا فَعَلُوا وَلَمْ يَلْمُوهَا

Ertinya : "Dan (juga) orang-orang yang apabila mengesakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain daripada Allah? Dan mereka tidak meneruikan perbuatan kejiannya itu, sedang mereka mengetahui." (Surah Ali Imran , ayat : 135)

Namun begitu, pada kali ini kelebihan istighfar akan dikongsi dari sudut lain yang jarang sekali kita ketahuinya. Di dalam al-Quran Surah Nuh ayat 10-12 telah menjelaskan kelebihan istighfar iaitu :

Ertinya : " Maka aku berkata (kepada mereka), "Mohonlah ampunan kepada Tuhanmu, sungguh, Dia Maha Pengampun. Neceyo Dia akan menurunkan hujan yang lebat dari langit kepadamu. Dan Dia memperbanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan kebun-kebun untukmu dan mengadakan sungai-sungai untukmu."



# UTeM Di Dada Akhbar

### Uji pasukan kedua

#### HM MTB medan UTeM-XCT nilai prestasi pelumba



**K**elompok pasukan MTB yang terdiri daripada 15 orang anggota pasukan MTB UTeM-XCT (XCT=Cross Country) dan pasukan MTB UTeM-XCT (XCT=Cross Country) telah bersedia untuk menghadapi ujian pasukan kedua yang akan diadakan pada Sabtu (17/11) di kawasan pergunungan berhampiran bandar. Ujian ini akan dijalankan di kawasan pergunungan berhampiran bandar. Ujian ini akan dijalankan di kawasan pergunungan berhampiran bandar.

### MUCET 2014 erat kerjasama dengan MTUN



**M**ajlis Universiti Teknologi Malaysia (UTeM) dan Masyarakat Pengguna Pengguna (MUCET) 2014 telah mengadakan pertemuan dengan MTUN (Majlis Pengguna Pengguna) pada Sabtu (17/11) di UTeM. Pertemuan ini bertujuan untuk membincangkan mengenai kerjasama antara MUCET dan MTUN dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna.

### UTeM rangkul anugerah inovasi



**P**ada Sabtu (17/11) UTeM menerima anugerah inovasi dari pihak MTUN. Anugerah ini diberikan kepada UTeM atas komitmen dan usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna.

### UTeM tubuh Majlis Profesor Universiti



**U**TM telah menubuhkan Majlis Profesor Universiti (Majlis) pada Sabtu (17/11) di UTeM. Majlis ini akan berperanan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna dan memastikan bahawa UTeM sentiasa berada di hadapan kemajuan teknologi.

### UTeM anjur Bulan Bahasa Kebangsaan



**M**elalui Bulan Bahasa Kebangsaan, UTeM akan mengadakan serenteh aktiviti bahasa kebangsaan dan diarahkan oleh pihak UTeM. Bulan Bahasa Kebangsaan ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan mahasiswa.

### UTeM diiktiraf syarikat terkemuka dunia



**U**TM telah diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka dunia oleh pihak MTUN. Pengiktirafan ini diberikan kepada UTeM atas prestasi yang telah dicapai dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna.

### Pelajar TVET dijangka meningkat



**K**emungkinan akan meningkat jumlah pelajar TVET di UTeM. Pihak UTeM berharap bahawa dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan dan menyediakan program-program yang relevan dengan keperluan industri, jumlah pelajar TVET akan meningkat.

### Tingkat potensi ahli akademik UTeM Bantu pembangunan akademik komprehensif



**J**umlah ahli akademik UTeM yang mempunyai potensi untuk membantu pembangunan akademik komprehensif UTeM. Pihak UTeM akan berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna dan memastikan bahawa UTeM sentiasa berada di hadapan kemajuan teknologi.

### Juruteknologi, juruteknik bakal bertaraf profesional



**J**uruteknologi dan juruteknik di UTeM akan bertaraf profesional. Pihak UTeM akan berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna dan memastikan bahawa UTeM sentiasa berada di hadapan kemajuan teknologi.

### UTeM terima anugerah inovasi



**U**TM telah menerima anugerah inovasi dari pihak MTUN. Anugerah ini diberikan kepada UTeM atas komitmen dan usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna.

### UTeM anjur Bulan Bahasa Kebangsaan



**M**elalui Bulan Bahasa Kebangsaan, UTeM akan mengadakan serenteh aktiviti bahasa kebangsaan dan diarahkan oleh pihak UTeM. Bulan Bahasa Kebangsaan ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan mahasiswa.

### UTeM diiktiraf syarikat terkemuka dunia



**U**TM telah diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka dunia oleh pihak MTUN. Pengiktirafan ini diberikan kepada UTeM atas prestasi yang telah dicapai dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna pengguna.

# UTeM Hall of Fame

## SYABAS DAN SETINGGI TAHNIAH

### KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT UTeM

Anugerah Persembahan Terbaik:  
(Wang Tunai : RM1000.00, plak dan sijil penarafan)

1. Kategori Pengurusan : Kumpulan iCreate  
(Fakulti Kejuruteraan Elektrik)  
Tajuk Projek: **Delay of Retrieval File Subject**

2. Kategori Teknikal : Kumpulan Fame  
(Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)  
Tajuk Projek: **Penjimatan Air di Tandas FKP**

	JOHAN	NAIB JOHAN	TEMPAT KETIGA
KATEGORI HADIAH	WANG TUNAI : RM5,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN	WANG TUNAI : RM3,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN	WANG TUNAI : RM2,000.00, PLAK DAN SIJIL PENARAFAN
KATEGORI PENGURUSAN	Kumpulan MOLIA Perpustakaan Tajuk Projek: E-Tag	Kumpulan iCreate FKE Tajuk Projek: Delay of Retrieval File Subject	Kumpulan InCOME Pejabat Pendaftaran Tajuk Projek : Penggunaan Pos Laju Tinggi
KATEGORI TEKNIKAL	Kumpulan techTeez Pusat Komputer Tajuk Projek: Sistem Pendaftaran Pintar Pelajar Baharu	Kumpulan FAME FKP Tajuk Projek: Penjimatan Air di Tandas FKP	Kumpulan iTech FKE Tajuk Projek : Smart Rest Room

## SEKALUNG PENGHARGAAN & TAHNIAH

Pihak Universiti ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada staf UTeM yang telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang membawa gelaran Dr. Staf yang terlibat adalah seperti berikut:

### DR. SAZALINSYAH BIN RAZALI (FTMK)

Beliau telah menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Loughborough University, United Kingdom dalam bidang Computer Science pada 24 November 2014.

### DR. ZURINA BINTI SA'AYA (FTMK)

Beliau telah menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada University College Dublin, Ireland dalam bidang Computer Science & Informatics pada 13 November 2014.

### DR. NAZRULAZHAR BIN BAHAMAN (FTMK)

Beliau telah menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Science Computer pada 22 September 2014.

### DR. AZIAH BINTI KHAMIS (FKE)

Beliau telah menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem pada 11 November 2014.

## TAHNIAH

1 Setinggi-tinggi tahniah kepada **Y.Bhg Prof Ir. Dr. Jailani Bin Mohd Nor Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** di atas **Anugerah BUKU TERJEMAHAN TERBAIK (Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris) "A Transformation Journey: 55 Tips on Personal & Career Excellence"** pada Majlis Anugerah Buku Negara.

Tahniah dari warga UTeM.

Kategori : **BUKU UMUM TERBAIK (PERISIAN MULTIMEDIA)**

Tajuk Buku : **Adobe Flash CS5 Professional Includes Exercise Files and Training Videos**

Penulis : **Norasiken Bakar**

Penerbit : Penerbit Universiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

ISBN : 978-967-0257-19-8

Tahniah dari warga UTeM.



# UTeM TUAN RUMAH KEJOHANAN GOLF IPTA KE 42



10 Nov - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah Kejohanan Golf Antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Kali Ke 42 yang telah berlangsung pada 8 November dan 9 November yang lalu. Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Kejohanan berkata, seramai 600 orang peserta terdiri daripada kaktangan IPTA telah mengambil bahagian dalam kejohanan itu yang bakal berlangsung di empat buah kelab golf terkemuka di negeri ini. Jelas beliau, kejohanan tahunan ini diadakan dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama antara IPTA selain daripada menjadi platform untuk mencungkil bakat pemain golf di negara ini.

"Kejohanan ini pada mulanya telah diusahakan oleh Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) ketika itu iaitu Allahyarham Tan Sri Dr. Hamzah Sendut pada tahun 1970 bersama beberapa Naib Canselor universiti lain. Usaha ini kemudian diteruskan pula oleh Pengerusi Senat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ketika itu Tan Sri Dato' Dr. Rashdan Hj. Baba bersama Canselor Universiti berkenaan serta Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein yang juga Perdana Menteri Malaysia ketika itu," ujar beliau.

Jelasnya lagi Allahyarham Tun Abdul Razak juga telah menghadiahkan sebuah plakat pualangan untuk rebutan pasukan-pasukan golf universiti-universiti tempatan yang mana kini plakat tersebut dikenali Plakat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak.

"UTeM sangat berbesar hati kerana terpilih untuk menjadi tuan rumah kejohanan yang penuh prestij dan bersejarah ini. Insya Allah, dengan sokongan padu daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan rakan penaja utama iaitu Kumpulan Telekom Malaysia (TM) kejohanan ini akan dapat berlangsung dengan jayanya sekaligus mencapai objektifnya." ujarnya. Kejohanan ini juga turut disertai oleh Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob yang juga merupakan Canselor UTeM, pengurusan kanan IPTA dan kementerian selain daripada pemain jemputan termasuk pihak media.



# Upcoming Events

Bengkel Pemuliharaan dan Pemurnian Geran FRGS

**BENKEL PEMULIHARAAN DAN PEMURNIAN GERAN FRGS**

11 Februari 2015 :: 2.30 Petang  
Bilik Jamuan VIP, Dewan Besar UTeM

Kehadiran Peserta Adalah Melalui Surat Jemputan

FV Malaysia 2015



Mechanical Engineering Research Day 2015



Journal of Advanced Manufacturing Technology

**JOURNAL OF Advanced Manufacturing Technology** *AMT*

**Call for Paper**

Submission deadline	February 28, 2015
Reviewing process	15 Mac 2015
Author corrections	7 April 2015
Camera ready format	30 April 2015

International Conference on Technology Management and Technopreneurship (IC-TMT 2015)

